



SIARAN MEDIA YAYASAN INOVASI MALAYSIA (YIM)

YIM, DEXCOM MALAYSIA, UiTM DAN USM LANCAR PROGRAM *SUGARSMART COMMUNITY CHANGEMAKERS* BAGI MEMPERKASA INOVASI SOSIAL DALAM MENANGANI DIABETES

PULAU PINANG, 16 JULAI 2026 – Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Dexcom Malaysia, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) hari ini memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi menjayakan pelaksanaan *SugarSmart Community Changemakers – Social Innovation Program*, sebuah inisiatif strategik yang memanfaatkan inovasi sosial dalam meningkatkan kesedaran, pendidikan dan amalan pengurusan diabetes dalam kalangan masyarakat.

Kerjasama ini menggabungkan kepakaran industri, institusi pengajian tinggi dan YIM dalam membangunkan penyelesaian inovasi sosial yang berimpak tinggi melalui pembangunan bakat mahasiswa, pemindahan ilmu, penglibatan industri serta pelaksanaan projek komuniti. Inisiatif ini turut memperkukuh hubungan antara akademik dan industri dalam melahirkan graduan yang berupaya membangunkan penyelesaian inovatif kepada cabaran kesihatan awam.

Program *SugarSmart Community Changemakers* akan melibatkan 40 mahasiswa, terdiri daripada 20 pelajar prasiswazah Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan 20 pelajar pascasiswazah Universiti Sains Malaysia (USM). Bermula pada September 2026, para peserta akan mengikuti program pembangunan bakat selama enam bulan yang dimulakan dengan *bootcamp* intensif selama empat hari, merangkumi pensijilan *Global Innovation Management Institute (GIMI) Impact Certification*, pembentukan pasukan, pembangunan pelan projek serta pembelajaran berasaskan projek (*project-based learning*). Seterusnya, peserta akan melaksanakan projek komuniti dengan bimbingan dan pemantauan berterusan daripada pihak industri sebelum membentangkan hasil penyelesaian inovasi yang dibangunkan pada Januari 2027, diikuti sesi *Show & Tell* serta *Recognition and Award Ceremony* pada Februari 2027.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Dr. Sharmila Mohamed Salleh, berkata peningkatan kes diabetes di Malaysia memerlukan pendekatan yang lebih menyeluruh dengan menggabungkan kekuatan kerajaan, industri, institusi pengajian tinggi dan komuniti bagi menghasilkan penyelesaian yang mampan serta memberi manfaat kepada rakyat.

"Meningkatkan kesedaran mengenai diabetes sahaja tidak mencukupi sekiranya ia tidak diterjemahkan kepada perubahan tingkah laku dan amalan gaya hidup yang lebih sihat. Di sinilah inovasi sosial memainkan peranan penting dengan menggabungkan ilmu, teknologi, kreativiti dan penglibatan komuniti bagi menghasilkan perubahan yang mampan."

Beliau turut memaklumkan bahawa, sebagai yayasan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), YIM akan terus memainkan peranan sebagai pemudah cara, pemangkin dan penghubung dalam memperkukuh ekosistem inovasi sosial negara melalui kerjasama strategik antara kerajaan, industri, institusi pengajian tinggi dan komuniti.

"Tiada mana-mana organisasi mampu menangani cabaran masyarakat secara bersendirian. Kejayaan memerlukan kerjasama erat antara kerajaan, industri, akademik dan komuniti. Pendekatan Heliks Empat Pihak (Quadruple Helix) inilah yang akan terus diperkukuh oleh YIM bagi memastikan lebih banyak inovasi sosial dapat dibangunkan, diperluaskan dan memberi manfaat secara mampan kepada rakyat."

Pemeteraian Memorandum Persefahaman ini mencerminkan komitmen bersama YIM, Dexcom Malaysia, UiTM dan USM dalam memperkukuh ekosistem inovasi sosial negara melalui kolaborasi rentas sektor yang strategik, inklusif dan mampan.

Kerjasama ini diharap menjadi model kolaborasi yang boleh diperluaskan ke peringkat nasional dalam melahirkan lebih ramai inovator sosial dalam kalangan belia, memperkasa pembangunan bakat serta menghasilkan penyelesaian berimpak tinggi yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan pembangunan negara.

TAMAT

Pautan: [KIT GAMBAR](#)

Mengenai Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) telah ditubuhkan pada tahun 2008 di bawah Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) sebagai agensi peneraju utama Inovasi Sosial dan Akar Umbi di Malaysia. YIM didaftarkan sebagai Syarikat Terhad Mengikut Jaminan (CLBG) di bawah Akta Syarikat 1965 dan diiktiraf sebagai organisasi bukan berasaskan keuntungan. Fungsi utama YIM adalah sebagai platform yang mencari, mengenalpasti, membangun dan memadankan dana pembangunan inovasi dengan rangkaian lebih 7,400 inovator di seluruh negara bagi menggalakkan dan memupuk pembangunan inovasi akar umbi yang berpotensi untuk dikomersialkan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Ia dilaksanakan melalui pemerkasaan kreativiti dan inovasi dengan membangunkan minda inovatif yang mengubah idea menjadi realiti serta mewujudkan sistem sokongan mampan yang boleh menghasilkan faedah ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Untuk mengetahui lebih lanjut, layari laman web Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) di www.yim.my

Hubungi:

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)

Nur Aneita Abdullah Pandian

+6019-2294732

aneita@yim.my



PRESS RELEASE

YAYASAN INOVASI MALAYSIA (YIM)

YIM, DEXCOM MALAYSIA, UiTM AND USM STRENGTHEN STRATEGIC COLLABORATION THROUGH THE SUGARSMART COMMUNITY CHANGEMAKERS PROGRAM TO ADVANCE SOCIAL INNOVATION IN ADDRESSING DIABETES

PENANG, 16 JULY 2026 – Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Dexcom Malaysia, Universiti Teknologi MARA (UiTM), and Universiti Sains Malaysia (USM) today signed a Memorandum of Understanding (MoU) to implement the SugarSmart Community Changemakers – Social Innovation Program, a strategic initiative that leverages social innovation to enhance public awareness, education, and diabetes management practices within communities.

The collaboration brings together the expertise of industry, higher education institutions, and YIM to develop high-impact social innovation solutions through student talent development, knowledge transfer, industry engagement, and the implementation of community-based projects. The initiative also strengthens academia-industry collaboration in producing graduates capable of developing innovative solutions to address public health challenges.

The SugarSmart Community Changemakers Program will involve 40 students, comprising 20 undergraduate students from Universiti Teknologi MARA (UiTM) and 20 postgraduate students from Universiti Sains Malaysia (USM). Beginning in September 2026, participants will undergo a six-month talent development programme, commencing with an intensive four-day bootcamp that includes the Global Innovation Management Institute (GIMI) Impact Certification, team formation, project planning, and project-based learning. Participants will subsequently implement community projects under continuous guidance and mentorship from industry partners before presenting their social innovation solutions in January 2027, followed by a Show & Tell session and a Recognition and Award Ceremony in February 2027.

Dr. Sharmila Mohamed Salleh, Chief Executive Officer of Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), said that the rising prevalence of diabetes in Malaysia requires a more holistic approach that harnesses the collective strengths of government, industry, higher education institutions, and communities to develop sustainable solutions that deliver meaningful benefits to society.

“Raising awareness about diabetes alone is not sufficient unless it translates into meaningful behavioural change and healthier lifestyle practices. This is where social innovation plays a vital role by integrating knowledge, technology, creativity, and community participation to drive sustainable and lasting impact.”

She further emphasised that, as an agency under the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI), YIM will continue to serve as a facilitator, catalyst, and strategic connector in strengthening Malaysia’s social innovation ecosystem through collaborative partnerships involving government, industry, academia, and communities.

“No single organisation can address society’s challenges on its own. Meaningful impact requires close collaboration between government, industry, academia, and communities. This Quadruple Helix approach will continue to be strengthened by YIM to ensure that more social innovations are developed, scaled, and sustainably benefit the people.”

The signing of this Memorandum of Understanding reflects the shared commitment of YIM, Dexcom Malaysia, UiTM, and USM to strengthen Malaysia’s social innovation ecosystem through strategic, inclusive, and sustainable cross-sector collaboration.

This partnership is expected to serve as a scalable model for nationwide collaboration, nurturing a new generation of social innovators among Malaysian youth, strengthening talent development, and delivering high-impact solutions that contribute to community well-being and the nation’s sustainable development.

END

Link: [PHOTO KIT](#)

About Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)

Established in 2008 under the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI), Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) is Malaysia's lead agency for social and grassroots innovation. YIM is incorporated as a Company Limited by Guarantee (CLBG) under the Companies Act and operates as a not-for-profit organisation. YIM serves as a national platform to identify, nurture, and facilitate access to innovation development funding through a network of more than 7,400 innovators nationwide. The organisation is committed to fostering grassroots innovation with commercialisation potential at both the domestic and international levels by empowering creativity and innovation, cultivating innovative mindsets that transform ideas into impactful solutions, and strengthening a sustainable support ecosystem that generates economic value while improving community well-being.

For more information, please visit www.yim.my.

Contact:

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)

Nur Aneita Abdullah Pandian

+6019-2294732

aneita@yim.my